KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

MENTERI RASMI PECAH TANAH PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS MINI NRES SABAH

Setelah hampir 32 tahun penantian, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bakal menyaksikan satu lagi fasa penting dalam menyediakan kemudahan yang lebih selamat, kondusif dan lestari dengan perasmian pecah tanah projek pembinaan Kompleks Mini NRES oleh Menterinya, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup.

Majlis perasmian itu berlangsung di atas Lot Tanah CI215304831, Daerah Penampang, Sabah dengan turut dihadiri Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Sabah, Datuk Jaffry Arifin.

Projek Kompleks Mini NRES itu dibina atas tanah berkeluasan 6.77 ekar dengan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) selaku agensi pemilik dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dilantik sebagai agensi pelaksana.

Kompleks mini ini melibatkan pembinaan bangunan pentadbiran yang menggabungkan Ibu Pejabat JUPEM Sabah (IP JUPEM Sabah), Pejabat Topografi Wilayah Kota Kinabalu JUPEM Sabah (PTWKK JUPEM Sabah), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Sabah (JMG Sabah), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Sabah (JKPTG Sabah), Jabatan Meteorologi Malaysia (MeT) Sabah, Dewan Serba Guna, Bangunan Makmal dan Gudang JMG.

Kompleks bangunan mini kompleks NRES diluluskan di bawah RP3, RMK-12 kelulusan projek diperoleh dalam RMK-12 (RP3 Tahun 2023) dengan kos pembinaan kira-kira RM81 juta. Projek ini mula dibina pada 2 Oktober 2025 dan dijangka siap pada 1 Februari 2029.

Ciri-ciri bangunan hijau yang diterapkan di dalam Projek Pembinaan Kompleks Mini NRES Sabah termasuk penerapan konsep reka bentuk dan kefungsian yang inovatif serta melambangkan dan berlandaskan kepada kelestarian alam, selaras dengan fungsi NRES.

Selain itu, keseluruhan kawasan Kompleks Mini ini menerapkan elemen reka bentuk hijau pasif ke arah Bangunan Hijau dan Cekap Tenaga. Keseluruhan fasad bangunan dan binaan beridentitikan Sabah yang moden dan harmoni dengan menggunakan elemen yang menarik.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
17 JANUARI 2026

MALAYSIA MADANI

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763

MAKLUMAT TAMBAHAN

A. MAKLUMAT PROJEK		
5	Skop Projek	1. Preliminaries (Design & Built Element) 2. Piling / Special Foundation 3. Building 4. Internal Services 5. External Works 6. Other Related Work 7. Contribution Fee to Local Authority 8. Miscellaneous 9. Pengalihan Utiliti
6	Output Projek	1. Pejabat baru **Ibu Pejabat JUPEM Sabah** 2. Pejabat baru Pejabat Topografi Wilayah Kota Kinabalu, Sabah 3. Pejabat baru **Ibu Pejabat Jabatan Mineral dan Geosains Sabah** 4. Pejabat baru **Ibu Pejabat Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Sabah** 5. Satu bangunan baru Makmal Jabatan Mineral dan Geosains Sabah 6. Satu bangunan baru Gudang Jabatan Mineral dan Geosains Sabah 7. Satu bangunan baru Dewan Serbaguna (kegunaan bersama) 8. Pejabat baru **Pejabat Jabatan Meteorologi Malaysia Sabah**
7	Outcome Projek	Peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan melalui penyediaan kompleks pejabat yang selamat, kondusif dan lestari.
8	Agensi Pemilik	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

9	Agensi Pelaksana	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS)